

13 OCT 2003

OIC: BALAI SENI LUKIS NEGARA DITUTUP SEPARUH HARI JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Balai Seni Lukis Negara akan ditutup dari pukul 1 tengah hari Jumaat ini untuk lawatan isteri ketua-ketua negara dan kerajaan yang menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Menurut jurucakap balai itu, orang ramai hanya dibenarkan melawat dari pukul 10 pagi hingga pukul 1 tengah hari pada hari berkenaan.

Balai Seni Lukis Negara sedang mengadakan Festival Kesenian OIC sempena sidang kemuncak itu yang antara lain mempamerkan fotografi, kaligrafi dan lukisan berkaitan Islam. Festival itu akan diadakan sehingga 30 Nov.

Selain itu, pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan" yang meliputi 22 tahun Dr Mahathir menyandang jawatan Perdana Menteri, juga sedang diadakan di situ sehingga 6 Dis.

Pameran foto itu dianjurkan oleh media dan stesen televisyen tempatan, Jabatan Penerangan dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) sebagai tanda penghargaan kepada Dr Mahathir yang terkenal sebagai mesra media.

-- BERNAMA

HK HK RHM